

♥17/06/15-42MST

CNS9519

U GB 17-06 '00173 RA947

AAB

Mahathir - EAEC

MALAYSIA BERHARAP JEPUN TIDAK DIPENGARUHI AMERIKA

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kecewa dengan pendirian Amerika Syarikat terhadap Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) berharap Jepun tidak akan dipengaruhi Amerika Syarikat.

Dr Mahathir juga kurang senang dengan perubahan pendirian pentadbiran Clinton yang sebelum ini berkata bahawa ia mengamalkan sikap terbuka berhubung cadangan Asean itu.

Laporan-laporan media asing menyebut, penentangan terbaru Washington terhadap EAEC oleh pentadbiran Clinton itu akan menyebabkan sulit bagi Jepun untuk menerima jemputan Asean menyertai perundingan itu. Bagaimanapun Jepun masih menunggu untuk diberitahu secara rasmi mengenai pendirian Washington itu.

Ketika mengulas mengenai perkara itu, Dr Mahathir menyoal rasional pendirian Amerika itu dan menegaskan bahawa EAEC bukan sebuah blok perdagangan ataupun satu forum rasmi tetapi hanya merupakan perundingan yang longgar untuk kerjasama ekonomi.

"Kami amat kecewa kerana sebelum ini pentadbiran Clinton nampaknya lebih bersikap terbuka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Festival Tamadun Islam Sedunia 94, di sini. -- Lagi.

♥17/06/15-36MST

U GB 17-06 00330 BA948

AAA

Mahathir - EAEC 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, Malaysia dan negara anggota Asean yang lain telah beberapa kali menjeaskan bahawa EAEC bukan sebuah blok perdagangan dan menambah kata yang mereka akan terus memperjelaskan perkara itu.

Katanya, Malaysia tidak faham mengapa EAEC ditolak sedangkan mereka sering menjelaskan bahawa ia bukan sebuah blok perdagangan.

"Adakah kerana warna kulit kami?," beliaulah bertanya.

Dr Mahathir, bagaimanapun berkata, Malaysia tidak akan membenarkan perbezaan pendapat berhubung EAEC, yang asalnya merupakan cadangan Malaysia, memburukkan hubungannya dengan Amerika.

"Kami akan menggunakan persahabatan yang sedia terjalim untuk memperjelaskan pendirian kami (kepada Amerika)," tambah Dr Mahathir, yang telah menyatakan bahawa hubungan Malaysia-Amerika semakin bertambah baik selepas pertemuannya dengan Presiden Clinton semasa lawatannya ke Amerika baru-baru ini. -- Lagi.

♥17/06/15-53MST

U GB 17-06 00107 BA949

AAB

Mahathir - EAEC 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Menteri Luar, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, ketika ditemui pada festival itu berkata, Malaysia berharap akan mendapat gambaran yang lebih jelas daripada Jepun pada Mesyuarat Peringkat Menteri Asean-Persidangan Selepas Mesyuarat Peringkat Menteri di Bangkok lewat bulan ini.

Setakat ini, menurut Abdullah, pendirian Jepun (mengenai EAEC) adalah jelas, seperti yang dinyatakannya pada persidangan tahun lepas di Singapura.

Katanya, Jepun telah bersetuju bahawa ia akan membincangkan mengenai perkara itu selepas Asean dengan secara rasminya menubuhkan EAEC.

"Kami berharap mereka akan berdiriteguh dengan keputusan mereka itu," katanya. -- Bernama.

A2G KAM.